

Rabu – 18 Disember 2019

Halaman : 30

Tiga hari terputus hubungan

Bomba bantu hantar ibu bersama bayi berusia 21 hari ke hospital

NIK AMIRUL MŪ'MIN
NIK MIN

ROMPIN

Seorang wanita orang asli bersama bayi perempuannya berusia 21 hari dibawa keluar dari Kampung Denai di sini dan dihantar ke Hospital Rompin untuk menjalani pemeriksaan selepas kampung itu terputus hubungan akibat banjir sejak tiga hari lalu.

Rohayani Ali, 27, yang masih dalam tempoh berpantang bersama bayinya, Nor Syakina Osman dibawa keluar menggunakan ken-

deraan bomba kira-kira jam 5.30 petang kelmarin. Menurutnya, dia dan bayinya berada dalam keadaan sihat dan disaran untuk berada di hospital supaya tidak terlepas pemeriksaan kesihatan bayinya jika kampung tersebut terus terputus hubungan.

“Saya pun bimbang juga jika tidak dapat keluar dari kawasan ini untuk menjalankan pemeriksaan yang ditetapkan,” katanya.

Rohayani ditemui di pusat pemindahan sementara (PPS) Kampung Denai di sini sebelum dibawa keluar dengan bantuan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Pahang yang melakukan misi penghantaran bekalan ke pusat pemindahan itu pertang kelmarin.

Dia bersama bayinya diiringi doktor dari Klinik Kesihatan Tanjung Gemok,



Anggota bomba membawa Rohayani (dua dari kanan) dan bayinya diiringi Dr Monysya (dua dari kiri) bersama dua jururawat ke Hospital Rompin kelmarin.

Dr Monysya Atri dan dua jururawat yang sebelum itu datang untuk membuat pemeriksaan kesihatan kepada mangsa banjir di kampung berkaitan.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Pahang, Ismail Abdul Ghani berkata, Rohayani dan bayinya ditempatkan di hospital sehingga jalan keluar masuk ke kampung itu boleh dilalui.

Menurutnya, disebabkan laluan keluar masuk ke kampung itu yang terputus, ia agak berisiko kepada ibu dan bayi tersebut.

Lega bantuan makanan tiba

ROMPIN - Penduduk orang asli Kampung Denai di sini yang terputus hubungan sejak tiga hari lalu lega apabila menerima bekalan makanan yang dihantar dengan bantuan pihak bomba petang kelmarin.

Penduduk kampung berkenaan ‘terkepung’ selepas banjir melanda ekoran limpahan air Sungai Endau dan hujan lebat berterusan sejak beberapa hari lalu.

Kedua-dua diburukkan lagi apabila laluan utama ke kampung berhampiran Ladang Yayasan Pahang ditenggelami air mencecah paras 1.5 meter.

Penduduk, Hamdan Awang, 41, berkata, dia lega dengan penghantaran bekalan makanan yang cukup untuk tempoh tiga hari.

“Biasanya kami keluar beli bekalan makanan di Tanjung Gemok atau Endau tetapi selepas jalan utama dinailki air sejak tiga hari lalu, kami terpaksa makan apa yang ada,” katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara di Balai Raya Kampung Denai di sini semalam.

INFO BANJIR

PAHANG
Jumlah mangsa: 1,053 orang
Jumlah keluarga: 271 keluarga
PPS: 9 lokasi

*Setakat jam 5 petang semalam